

Cabaran Mahasiswa UMP Berkayak

Pulau Pangkor, 24 Mei- Seramai 40 pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP) menyertai Cabaran Ekspedisi Berkayak anjuran Pusat Sukan UMP yang bermula dari Teluk Batik menuju ke Teluk Nipah, Pulau Pangkor baru-baru ini. Aktiviti bermula dengan sesi taklimat mengenai langkah dan cara untuk belajar asas kayak serta teknik berkayak dengan betul. Kemudiannya diiringi dengan sesi memanaskan badan dan bersarapan pagi sebelum ekspedisi berlepas tepat pukul 9.00 pagi.

Pada hari pertama berkayak peserta berkayuh sambal melawat Kota Belanda yang mengambil masa selama satu jam dari Teluk Batik. Para peserta dapat menikmati keindahan hasil peninggalan kota sejarah yang dibina pada tahun 1670. Selepas melawat Kota Belanda, para peserta menyambung kayuhan semula ke Pasir Bongak yang mengambil masa selama satu jam 30 minit sebelum berhenti rehat dan menginap di Teluk Nipah.



Menurut Ketua Ekspedisi, Muhammad Saiful Azreen Ismail,23, dari Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli (FKKSA), objektif program ini adalah untuk memberi pendedahan kepada peserta bagi merasai sendiri pengalaman berkayak yang cabarannya amat mencabar. Di samping itu juga peserta turut berpeluang untuk melihat kesan sejarah dan keindahan semulajadi yang terdapat di sini.

"Perjalanan pergi menuju ke Teluk Nipah lancar sungguhpun cuaca yang agak mendung berbanding dalam pejalanan balik keesokkan harinya kami menempuh cuaca panas terik sepanjang perjalanan. Namun semua peserta kelihatan amat bersemangat dengan kayuhan masing-masing sambil diiringi dua buah bot pengiring dan juga beberapa anggota teknikal program," katanya.

Tambahnya lagi, kesemua peserta berkayak menggunakan jenis kayak sit on top untuk dua orang,katanya. Selain itu, terdapat juga anggota teknikal yang akan bertindak sebagai penyelamat menyelamat sekiranya ada peserta kayak terbalik

semasa dalam perjalananan.

Pada keesokannya, kesemua peserta bertolak balik ke Teluk Batik dengan mengambil masa selama hampir 3 jam. Bagi peserta pula, pengalaman berkayak di laut adalah salah satu pengalaman baharu bagi mereka dengan mengalami sendiri kepenatan dan keletihan ketara semasa berkayuh.



Sementara itu, seorang peserta program Ijazah Sarjana Muda Sistem Komputer dan Kejuruteraan Perisian, Nur Fasihah Sharie, 21, berkata ini merupakan pengalaman pertamanya berkayak dalam keadaan laut bergelora apatah lagi pertama kali berpeluang berkayak. Walaupun penat, namun seronok dan merupakan pengalaman yang boleh dimanfaatkan. Tambahnya, pujuan rakan-rakan untuk menyertai ekspidisi ini amat berbaloi kerana banyak pengalaman yang diperolehi terutamanya tip penting yang perlu diikuti semasa mengendalikan kayak untuk mengelakkan kayak terbalik.

Berita dan gambar disediakan oleh Nor Adzizi Najiruddin dari Pusat Sukan.